

Family Variables and Self Concept Variables (Part 9)

Siti Sarawati Binti Johar

3.6 Rumusan ringkas teori

3.6.1 *Teori pemusatan klien (Teori sendiri Rogers)*

Penerangan mengenai hakikat manusia secara fitrahnya adalah baik, rasional, bertanggungjawab dan berusaha mencapai kesempurnaan diri. Akan tetapi, kegagalan untuk memperolehi keperluan yang mencapai kesempurnaan diri seperti disayangi, rasa selamat dan dihargai akan membina ruang kecenderungan manusia untuk kecewa dan mewujudkan masalah pada pembentukan konsep sendiri.

3.6.2 *Teori Behaviourisme*

Melalui pendekatan ini pula, ia amat berkait rapat dengan rangsangan iaitu pemboleh ubah di persekitaran terdekat manusia dan gerak balas yang menjadi akibatnya (R – G) iaitu psikologi rangsangan gerak balas. Menurut pendekatan ini, tingkah laku adalah satu siri gerak balas yang dipelajari dengan adanya rangsangan. Kesannya adalah tingkah laku yang tidak memenuhi tuntutan moral dan sejagat sekiranya menerima corak dan rangsangan yang tidak bersesuaian.

3.6.3 *Teori Analisis Transaksi*

Penerangan mengenai tabiat manusia yang terbentuk sejak kecil hasil skrip hidup yang ditentukan ibu bapa terdapat dalam teori ini. Didapati, anak-anak semasa kecil akan merakam secara langsung segala arahan dan perbuatan ibu bapa, seterusnya akan timbul konflik apabila anak itu mulai melalui proses menilai semula skrip hidup yang lama, ataupun dalam usaha menghasilkan skrip hidup yang baru hasil daripada asimilasi perkembangan emosi dan pengaruh persekitaran. Di sini juga akan wujudnya proses perbandingan.

CONTINUE...